



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**AHAD / 22 OKTOBER 2023**

- 1. PADI FARMERS SEEK REVIEW OF MILLERS' PRICE – THE STAR**
- 2. SELARAS HARGA KAWALAN BENIH – KOSMO**
- 3. EMPAT FOKUS HPPNK 2023 – SINAR HARIAN**
- 4. 'KALAU NAIKKAN RM 1,700 PER TAN APA SALAHNYA'? – SINAR HARIAN**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

**KERATAN AKHBAR : THE STAR**  
**TARIKH : 22 OKTOBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## Padi farmers seek review of millers' price

By **IMRAN HILMY**  
[imran@thestar.com.my](mailto:imran@thestar.com.my)

**ALOR SETAR:** Fixing the ceiling price of local white rice appears to have caused the unintended consequence of increasing prices of padi seeds by almost 30%, a predicament which leaves padi farmers stumped.

Farmers are now urging the government to review the price that millers pay them when they sell their freshly harvested rice to the mills, which currently stands at RM1,300 a tonne, up from RM1,200 previously.

They lament that the price of padi seeds which they need for replanting has shot up to RM40 from RM31 per 20kg sack, and RM45 from the previous RM35 at retail level per 20kg sack.

However, authorities want the farmers to stay the course because the rewards will be plentiful come harvesting season.

Padi farmer Wan Maharuddin Sulaiman, 66, who said he spoke for his contemporaries, said the

increase in the price of rice seeds has eroded their takings.

"With the already high cost of living plus farming costs, the increase of padi seed prices has made our lives difficult," he said yesterday.

Wan Maharuddin, a padi farmer of 20 years, said the increase of padi seed prices translates to a 40% increase in the cost for every kilo of rice grains harvested, a phenomenon that had affected some 3,000 farmers in Kedah's Muda Agricultural Development Authority (Mada) scheme.

Some 200 farmers from Kampung Teluk Jamat, near here, gathered peacefully yesterday to voice out their frustrations, waving placards and banners to make their displeasure known.

With them were Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia exco member Abdul Rashid Yob, who described the new ceiling price at mills as a poor measure to alleviate the burden of padi farmers who are mostly in B40 families.

"When the Prime Minister announced the increase in price from RM1,200 to RM1,300 per tonne, the income of farmers will increase by 10sen for every kilo of rice sold to millers, translating into a 8.4% increase in income.

"However, on Friday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu announced that the ceiling price of padi seeds at the retail level has also increased from RM35 to RM45 for every 20kg," he said during a press conference after the gathering.

The latest move from the government that took effect yesterday came under the Verified Rice Seeds Incentive programme (IBPS).

He said this, combined with other increased costs in rent, machinery, pesticides and various other agricultural inputs, meant that the increased ceiling price of rice would not help to increase the farmers' income.

Mohamad had said that increasing the price of padi seeds would

encourage the use of high-quality and disease-resistant ones, while curbing the use of uncertified seeds.

Mada chairman Datuk Dr Ismail Salleh said the adjustment of the ceiling price was meant to help the farmers earn a better income.

As for the increase in the price of padi seeds, Dr Ismail said the price increase translates to about RM100 per hectare.

"On top of this, the subsidies farmers receive increase from RM360 to RM500.

"This means if a farmer harvests a tonne of rice, he can at least get a minimum of RM1,800," he said, stressing that an increase in padi seed prices was a natural economic progression.

He said if farmers followed advice from Mada, they would see extra income (from increased yield).

"What we need now is for farmers to follow our methods and (crop management) schedule, and put in a bit more effort," he said.

KERATAN AKHBAR : KOSMO

TARIKH : 22 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

# Selaras harga kawalan benih padi tidak ringan beban pesawah

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

**ALOR SETAR** – Tindakan kerajaan melaksanakan penyelarasan harga kawalan maksimum baharu bagi program Insentif Benih Padi Sah (IBPS) berkuat kuasa kelmarin dilihat tidak mampu meringankan beban pesawah.

Golongan tersebut ketika ini dikatakan dihimpit pelbagai isu serta tekanan berikutan peningkatan kos input pertanian.

Exco Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah), Abdul Rashid Yob berkata, ketetapan dibuat Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) itu tidak seimbang dengan penguaman dibuat Perdana Menteri mengenai peningkatan harga lantai belian padi dalam Belanjawan 2024, baru-baru ini.

"Apabila Perdana Menteri umum harga lantai belian padi dinaikkan, itu bermakna pendapatan petani meningkat 10 sen bagi setiap kilogram padi yang dijual kepada pengilang. Maka peratusan peningkatan pendapatan petani adalah 8.4 peratus.

"Namun, semalam Menteri



**SEKUMPULAN** pesawah yang menyertai Demonstrasi Keluhan Petani di Kampung Teluk Jamat di Alor Setar semalam.

KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu umum harga maksimum benih padi di peringkat runcit meningkat pula daripada RM35 kepada RM45 per kampakit 20 kilogram. Itu bermakna berlaku kenaikan kos 50 sen atau 30 peratus untuk setiap kilogram padi benih yang perlu dibeli petani pada setiap

awal musim," katanya pada sidang akhbar sempena Demonstrasi Keluhan Petani di Kampung Teluk Jamat, di sini semalam.

Tambahnya, jumlah kos termasuk sewaan jentera, racun dan pelbagai input pertanian lain tidak berbaloi dengan peningkatan harga lantai belian padi itu.

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 22 OKTOBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

Pendekatan dilaksanakan KPKM sebagai daya tarikan kepada golongan muda

Oleh NILAM NUR  
ATIKAH OSHMAN  
KUALA LUMPUR

**P**eluang merasai sendiri pengalaman pertanian secara praktikal seperti simulasi gabungan penuai padi menjadi tarikan sempena Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pendekatan tersebut menjadi sebahagian daripada pengisian lebih segar yang diketengahkan pada HPPNK 2023 sebagai daya tarikan serta pendedahan kepada golongan muda.

Menurutnya, selari dengan temanya iaitu 'Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan', HPPNK 2023 memberi fokus kepada aplikasi teknologi, inovasi dan modenisasi sektor pertanian yang diterjemah melalui Dasar Agromakanan

Negara (DAN 2.0).

"Antaranya ialah teknologi dron, prototaip teknologi kejuruteraan pertanian untuk sistem pertanian pintar, model sistem pengairan dan saliran pertanian.

"Selain itu, Sistem Akuakultur Resirkulasi (RAS), asuhan ikan marin (ikan kerapu dan siakap) serta ternakan Hygienik Moina termasuk inovasi teknologi ikan tilapia dan kawalan kesihatan ikan *Break and Protect 2*," katanya selepas merasmikan Majlis Pra Pelancaran Sambutan HPPNK di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di sini pada Khamis.

HPPNK 2023 akan diadakan pada 10 hingga 12 November ini di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, Perak dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mohamad berkata, HPPNK 2023 berteraskan empat fokus utama, antaranya Agro Millenia yang menawarkan empat segmen khas untuk orang muda seperti Lepaking Orang Muda, Klinik Orang Muda, Sukan dan Ruang Orang Muda.

"Fokus kedua teknologi dan inovasi, akan ada pameran kecanggihan agroteknologi dan inovasi penternakan, perikanan, internet kebendaan (IoT) serta



Mohamad (tengah) merasmikan Majlis Pra Pelancaran Sambutan Hari Peladang, Peternak dan Nelayan Kebangsaan Tahun 2023 di Kuala Lumpur pada Khamis.

kelestarian pertanian termasuk berkaitan dengan perubahan cuaca serta dan sisa makanan.

"Selain itu, segmen anugerah dan penghargaan turut diadakan bagi meraikan serta mengiktiraf peladang, penternak dan nelayan," jelasnya.

Tambah Mohamad, bagi fokus ketiga, segmen Rakan

Strategik menonjolkan inisiatif dan elemen dalam menyokong usaha pemerksaan sektor pertanian dan agromakanan negara.

"Sejahtera Madani pula menawarkan enam segmen utama termasuk pelbagai program dan aktiviti seperti Majlis Bersama Peladang, Penternak dan Nelayan, PeladangNita dan akti-

viti kekeluargaan.

"Fokus terakhir ialah Agro Madani dalam meraikan pengunjung dengan pelbagai produk jualan pertanian menerusi Jualan Agro Madani, Empayar Makanan, produk pertanian dan industri asas tani, buah-buahan serta flori-kultur," ujarnya.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 22 OKTOBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

# 'Kalau naikkan RM1,700 per tan apa salahnya?'

Sanusi turut menolak cadangan Johari untuk mengapungkan harga beras tempatan kerana ia barang kawalan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM  
SHAH ALAM



Laporan muka depan Sinar Harian pada 14 Oktober lalu.

**K**erajaan perlu meningkatkan harga lantai belian padi kepada RM1,700 per tan, kata Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor.

Beliau berkata, peningkatan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan yang diumumkan menerusi Belanjawan 2024, tidak mencukupi.

"Pertama sekali terima kasih sebab naik juga RM100 (per tan) tapi tak mencukupi. Kalau (naikkan kepada) RM1,700 apa salahnya?"

"Baru-baru ni masa berebut-rebut (beras) mereka beli RM1,700 (per tan) boleh pula," katanya kepada pemberita ketika hadir ke Muktamar Tahunan Pas\_Ke-69 di sini pada Sabtu.

Menerusi Belanjawan 2024 diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini, kerajaan memutuskan untuk meningkatkan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan demi membantu pendapatan pesawah.

Menurut Anwar, langkah tersebut dibuat susulan rungutan pesawah padi yang berhadapan dengan masalah jualan padi apabila harga belian oleh pengilang telah diturunkan kepada tahap minimum RM1,200 per tan.

Sedangkan sebelum ini harga belian oleh pengilang jauh lebih tinggi dan kerajaan juga telah menetapkan harga lantai pada RM1,200 sejak tahun 2014 lagi.

“

Peningkatan harga padi kepada RM1,300 per tan yang diumumkan menerusi Belanjawan 2024, tidak mencukupi.”

- Sanusi



Sementara itu, Sanusi tidak bersetuju dengan cadangan Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johari Abdul Ghani agar kerajaan mengapungkan harga beras putih tempatan (BPT) tanpa menyekat harga dengan harga siling RM2.60 setiap kilogram.

"Tak boleh (apung harga beras), sebab harga barang kawalan," jelasnya.

Johari sebelum ini mencadangkan perkara itu kerana berpandangan dengan melepaskan harga kawalan kepada pasaran akan membantu menstabilkan semula bekalan BPT dalam pasaran untuk tempoh jangka pendek dan sederhana.